



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

Subject Code & Name : **MPU3212 Bahasa Kebangsaan A**
 Semester & Year : September – December 2017
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

“Kenapa kakak katakan kasihan pada ayah? Adik lihat ayah tenang saja setiap kali pergi dan pulang dari kerja. Ayah sentiasa senyum.”

Sejenak Hazren memaparkan riak senang. Pandangnya tepat dan dalam pada mata Afwiyah. Cuba mengejar bayang senyuman yang masih bersinar pada wajah, “Senyuman kakak sama macam senyuman ayah.”

“Terima kasih adik. Kakak kasihan melihat ayah bertungkus lumus kerja siang dan malam. Ayah seorang menanggung kita berempat. Betapa besar pengorbanan ayah, dik. Setiap hari **bermandi peluh**. Segala-galanya untuk menanggung kehidupan ibu, adik dan kakak.”

Afwiyah membawa jauh menungannya. Mengimbas kehidupan awal di kampus. Pelbagai pengorbanan yang ayah hulurkan. Ayah menambah waktu kerja dengan mengambil upah menukang di rumah jiran pada sebelah petang. Pada hujung minggu, ayah memenuhi permintaan rakan-rakan dengan mengambil upah memotong rumput.

Malam pula, khususnya Jumaat yang berlangsungnya Pasar Minggu ayah mendapat tugas lebih masa dengan membersihkan kawasan jualan. Hidup ayah berterusan begini kerana masih ada beberapa tahun lagi Awfiyah menamatkan pengajiannya. Dalam kelangsungan hidup yang serba sederhana ini, Awfiyah tekad akan berusaha bersungguh-sungguh belajar kerana dengan pendidikan yang dihargainya sepenuh jiwa dapat mengubah gaya hidup mereka suatu masa nanti.

*(dipetik dan diubah suai daripada cerpen
‘Senyum Ayah’ oleh Hasni Jamali, 2016)*

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘bermandi peluh’?

(2 markah)

2. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **DUA (2)** pengorbanan yang dilakukan oleh ayah Awfiyah?

(2 markah)

3. Berdasarkan keseluruhan cerpen ‘Senyum Ayah’, nyatakan **TIGA (3)** nilai murni beserta dengan contoh.

(6 markah)

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Malaysia memainkan peranan penting dalam hal yang berkaitan dengan keselamatan nasional, serantau, dan antarabangsa. Pejuang kemerdekaan telah membebaskan negara daripada cengkaman penjajah. Pemimpin dahulu begitu berwaspada dan bijak dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara. Mereka telah berjaya menempatkan Malaysia dalam **peta politik dunia**.

Keistimewaan Malaysia selepas merdeka dapat dilihat apabila Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang aman dan bersikap terbuka. Pelabur-pelabur asing berasa selamat untuk berurusan di Malaysia. Tambahan pula, Malaysia berada dalam kedudukan strategik di Asia Tenggara yang bersempadan dengan Selat Melaka, iaitu laluan perkapalan paling sibuk di dunia dengan hampir 50 000 kapal yang berlayar berulang-alik saban tahun. Hal ini menjadikan Malaysia tempat tumpuan dan terkenal ke seluruh dunia. Seterusnya, negara kita memainkan peranan penting dalam menyuarakan kepentingan negara maju serta aktif dalam Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan Persidangan Pertubuhan Negara Islam (OIC).

Namun begitu, di sebalik pencapaian dan keistimewaan ini, Malaysia turut berdepan dengan masalah. Masyarakat perlu peka dan tidak berpeluk tubuh, iaitu sentiasa mengikuti perkembangan negara dengan mendapatkan info-info terkini supaya kita menjadi warganegara yang bertanggungjawab.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **peta politik dunia**?

(2 markah)

2. Berdasarkan petikan, berikan **EMPAT (4)** keistimewaan Malaysia.

(4 markah)

3. Pada pendapat anda, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Malaysia sekarang?

(4 markah)

TATABAHASA

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. memanggil
- II. menggamit
- III. mempelawa
- IV. mengundang
- V. menjemput

(10 markah)

- b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- I. Peserta ekspedisi itu akan memulakan berjalan mendaki gunung pada awal pagi.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- II. Saya akan menunaikan tanggungjawab sebagai warga negara dengan berkibar Jalur Gemilang.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- III. Banyak pekerja asing di negara kita didapati tidak sihat dan menghidap pelbagai jenis penyakit jangkitan yang boleh menular kepada rakyat tempatan jika tidak dibendong.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- IV. Media masa akan menjadi alat yang penting dalam menyampaikan maklumat kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- V. Banyak persatuan kebajikan di negara ini memerlukan suka relawan untuk membantu mereka menjalani aktiviti.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Kemelutan ekonomi dunia yang ketara telah menyebabkan pelbagai pihak mula kehilangan pekerjaan. Kerajaan telah mencadangkan supaya mereka yang kehilangan pekerjaan ini membina lebih banyak peluang perniagaan dengan menjalankan perniagaan mereka sendiri. Pada pendapat anda, apakah kelebihan-kelebihan bekerja sendiri?

SOALAN 2

Bahasa Inggeris merupakan bahasa *lingua franca* masyarakat antarabangsa. Namun begitu, majoriti masyarakat di luar bandar tidak fasih berbahasa Inggeris. Golongan ini tidak menggunakan bahasa Inggeris dalam percakapan harian kerana bahasa ini merupakan bahasa kedua. Bahaskan kepentingan bahasa Inggeris dalam era globalisasi ini.

SOALAN 3

Tuliskan sebuah cerita berdasarkan peribahasa 'yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang'.

(30 markah)